

BAB 1 PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Bahasa Mandarin adalah salah satu bahasa rasmi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations). Mengikut DeFrancis (1984) bahasa Mandarin mempunyai bilangan penutur yang paling ramai di dunia, iaitu lebih kurang 1000 juta orang. Bahasa Mandarin merupakan bahasa kebangsaan Republik Rakyat China dan Taiwan. Ia juga merupakan salah satu bahasa rasmi di Hong Kong dan Singapura.

Bahasa Mandarin Standard dikenali sebagai *Putonghua* 普通话 (bahasa umum) di Republik Rakyat China dan Hong Kong, manakala di Taiwan, ia dinamakan sebagai *Guoyu* 国语 (bahasa kebangsaan). Di Malaysia dan Singapura pula, ia lebih dikenali sebagai *Huayu* 华语 (bahasa orang-orang Cina).

Putonghua ialah bahasa Mandarin standard yang berdasarkan sebutan dialek *Beijing* (北京音系). *Putonghua* telah dipromosi oleh Republik Rakyat China sejak tahun 1955. Pada tahun 1958 satu sistem fonetik rumi yang dikenali sebagai *Hanyu Pinyin* (汉语拼音) telah diperkenalkan untuk pengajaran dan pembelajaran *Putonghua*. Sistem fonetik tersebut diharapkan dapat memperbaiki sebutan penutur *Putonghua*. Mengikut Wu dan Yin (1984), 90 peratus penduduk Republik Rakyat China memahami *Putonghua*, tetapi hanya lebih kurang 50 peratus dapat berkomunikasi dengan bahasa tersebut.

Di Malaysia, *Huayu* merupakan lingua franca di kalangan orang-orang Cina yang mempunyai pelbagai jenis bahasa ibunda yang berbeza. *Huayu* Standard adalah bahasa Mandarin Standard yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin di sekolah dan media massa.

Pelbagai sistem fonetik telah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin, namun *Hanyu Pinyin* merupakan satu sistem fonetik yang diterima dan digunakan secara meluas di seluruh dunia. Ini adalah disebabkan sistem fonetik ini adalah dalam bentuk rumi yang lebih senang dipelajari.


Hanyu Pinyin diperkenalkan pada awal 1980an di Malaysia dengan tujuan menstandardkan sebutan *Huayu*. Pada tahun 1984 *Hanyu Pinyin* diperkenalkan di sekolah jenis kebangsaan Cina untuk menggantikan sistem fonetik tradisional iaitu *Zhuyin Zimu* (注音字母) atau *Zhuyin Fuhao* (注音符号). Sejak 1980an *Huayu* Standard turut dipromosikan melalui radio dan televisyen. Kempen mempromosikan pertuturan *Huayu* Standard ini telah dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan sosial orang-orang Cina tanpa penglibatan secara langsung kerajaan.

Di Malaysia, kempen mempromosikan pertuturan *Huayu* Standard berlangsung sehingga kini, namun didapati masih wujud variasi *Huayu* tempatan yang tersendiri dari segi sebutan. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk meneliti sebutan konsonan initial orang-orang Cina tempatan.

1.1 Latar Belakang Kajian

Penyelidik telah menjalankan kajian di Kuching, iaitu ibu negeri Sarawak. Kuching terletak di bahagian selatan negeri Sarawak. Gambarajah 1.0 menunjukkan lokasi kawasan kajian.

Gambarajah 1.0 : Peta Lokasi Kawasan Kajian



Kuching dipilih sebagai kawasan kajian kerana penyelidik berasal dari kawasan tersebut. Kelebihan ini membolehkan kajian dijalankan dengan lancar. Pengetahuan penyelidik dalam bahasa yang dikaji juga merupakan satu kelebihan untuk menganalisa data-data yang dipungut.

Terdapat pelbagai kumpulan etnik di Kuching, iaitu Melayu, Melanau, Cina, Iban, Bidayuh dan bumiputera lain. Menurut Laporan Banci Penduduk 1991, penduduk Kuching lebih kurang 366,978 orang, manakala 42% daripada jumlah ini ialah etnik Cina.

Pelbagai bahasa digunakan oleh orang-orang Cina untuk berinteraksi antara satu sama lain. *Huayu* adalah salah satu bahasa utama di kalangan etnik Cina di kawasan kajian dan dialek Hokkien pula merupakan dialek utama di kawasan tersebut. *Huayu* yang dituturkan di kawasan kajian didapati merupakan satu variasi yang berbeza dari *Huayu* Standard.

Subjek kajian ini terpilih dari orang Cina dewasa yang bermastautin di Kuching sejak lahir. Mereka merupakan suatu kumpulan yang berpendidikan bahasa Cina pada peringkat sekolah rendah dan mengambil kertas bahasa Cina dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

1.1.1 Bidang Kajian

Kajian bunyi terbahagi kepada dua bidang, iaitu fonetik dan fonologi. Menurut Roach (1991) bidang fonetik mengkaji secara terus bunyi-bunyi yang kita ujarkan, iaitu dari segi penyebutan, pendengaran dan sifatnya. Manakala bidang fonologi mengkaji bahagian abstrak bunyi-bunyi suatu bahasa, yakni bunyi-bunyi yang berfungsi dalam sesuatu bahasa itu.

Terdapat tiga pendekatan dalam kajian fonetik iaitu:-

- (a) Artikulasi atau sebutan : Fonetik artikulasi mengkaji bagaimana bunyi sesuatu bahasa itu diujarkan oleh alat-alat artikulasi atau artikulator. Penghasilan bunyi melibatkan organ-organ seperti paru-paru, laring, faring, rongga mulut dan hidung.

- (b) Auditori atau pendengaran : Fonetik auditori mengkaji pendengaran dan proses yang wujud apabila kita menerima bunyi dan bagaimana bunyi itu dirasai. Kajian auditori melibatkan organ-organ seperti telinga dan otak.
- (c) Akustik atau sifat bunyi : Fonetik akustik mengkaji gelombang udara yang membawa bunyi ke telinga. Ia melibatkan kajian terhadap ciri-ciri fizikal bunyi sesuatu bahasa. Ciri-ciri tersebut ialah nada, kelantangan dan kepanjangan yang diterangkan dengan menggunakan spektrogram.

Dalam kajian ini, penyelidik cuba mengkaji sebutan variasi *Huayu* tempatan dari segi artikulasi. Bunyi-bunyi ujaran dirakamkan dan diberi lambang oleh penyelidik. Seterusnya penyelidik mengkategorikan bunyi-bunyi ujaran tersebut berdasarkan daerah artikulasi, cara artikulasi dan penyuaraan. Bunyi-bunyi pertuturan dilambangkan berdasarkan Carta Fonetik Antarabangsa (IPA).

Lambang-lambang fonetik dalam IPA dapat mentranskripsikan bunyi-bunyi ujaran dalam bentuk lambang secara tepat dan sejagat. Terdapat dua jenis transkripsi iaitu:-

- (a) Transkripsi sempit : Transkripsi ini merupakan suatu skrip fonetik yang menggunakan lambang-lambang yang lebih khusus bagi merakamkan tiap-tiap segmen dan ciri-ciri bunyi. Ia melibatkan penggunaan jumlah lambang-lambang bunyi yang banyak, termasuk satu set tanda diakritik. Tanda diakritik merupakan penunjuk kepada kedudukan dan cara artikulasi yang sebenar dalam penghasilan bunyi. Misalnya, tanda [^h] menunjukkan sebutan aspirasi,

manakala [n] menunjukkan nasalisasi. Transkripsi sempit menggunakan kurungan [] pada setiap permulaan dan pengakhiran ujaran.

- (b) Transkripsi luas : Transkripsi yang merakamkan ujaran dalam bentuk bunyi-bunyi segmen sahaja. Lambang-lambang bunyi dan tanda diakritik yang digunakan adalah sedikit, cukup sekadar penanda bagi penyebutan bunyi. Kurungan / / digunakan dalam transkripsi luas.

Lambang-lambang bunyi ujaran dan tanda diakritik dalam IPA adalah seperti yang ditunjukkan dalam Carta Fonetik Antarabangsa di muka surat xi.

1.1.2 Tulisan Cina

Menurut Abdullah Hassan (1982), tujuan analisa fonologi ialah untuk menghasilkan fonem-fonem sesuatu bahasa. Fonem-fonem tersebut kemudiannya diberi lambang tulisan atau huruf. Tulisan itu merupakan lambang atau kod untuk sesuatu bahasa.

Grafem merupakan lambang segmen ujaran yang terkecil dalam penulisan. Dalam bahasa Inggeris, grafem adalah dalam bentuk abjad, tetapi grafem bahasa Cina adalah tulisan. Grafem bahasa Inggeris mewakili fonem, manakala grafem bahasa Cina mewakili satu suku kata.

Bahasa Inggeris merupakan salah satu bahasa yang menggunakan simbol fonetik tanpa mengambil kira makna simbol tersebut. Sistem tulisan tersebut dipanggil sebagai fonografik. Sementara itu, bahasa Cina adalah bahasa yang menggunakan simbol

untuk merekodkan fonetik bersama dengan maknanya. Oleh itu, tulisan Cina berbentuk logografik.

Tulisan Cina adalah salah satu sistem tulisan yang tertua di dunia. Tulisan tersebut telah mempunyai satu sistem yang mantap pada abad ke-14 S.M (Jiang 1987, X.Q. Li 1985 & X. Qiu 1988). Tulisan Cina yang paling awal dinamakan *Jiaguwen* (甲骨文), iaitu skrip tulang zaman purba. Selepas itu, tulisan tersebut berkembang ke tahap yang lebih maju pada zaman dinasti *Zhou* (周朝) iaitu lebih kurang abad ke-11 S.M hingga tahun 256 S.M. Tulisan ini dinamakan *Jinwen* (金文) iaitu skrip perunggu. Pada zaman *Qin* 秦朝(221S.M – 206S.M), Maharaja *Qinshihuang* (秦始皇) telah menstandardkan tulisan di seluruh negeri China. Tulisan standard ini dinamakan *Xiaozhuan* (小篆) yang digunakan untuk fungsi formal. Di samping itu, tulisan *Lishu* (隶书) digunakan untuk fungsi tidak formal. *Xiaozhuan* kemudiannya telah digantikan oleh *Lishu* pada zaman dinasti *Han* 汉朝 (206S.M – 220T.M). *Kaishu* (楷书) merupakan tulisan Cina moden yang digunakan sejak zaman *Nanbeichao* 南北朝 (420T.M – 589T.M) sehingga kini.

Republik Rakyat China telah berusaha untuk memudahkan penulisan tulisan Cina. Sejenis tulisan yang telah dipermudahkan telah digunakan di negeri China sejak 1950an. Tulisan ini dinamakan sebagai *Jiantizi* (简体字). Menurut Xing (1992), tulisan manusia telah kehilangan bentuknya yang bersifat piktografik dan wujud dalam bentuk simbol. Misalnya, kuda (马) dalam *Jiaguwen* dan *Jinwen* ditulis sebagai

 yang bersifat piktografik. Ciri-ciri piktografik ini semakin hilang mengikut perkembangan tulisan, umpamanya dalam *Xiaozhuan* ia ditulis dalam bentuk 马, kemudian 驛 dalam *Kaishu*. Kini ianya ditulis sebagai 马 dalam *Jiantizi*.

Walaupun terdapat 56,000 lambang logografik dalam tulisan Cina, tetapi hanya 2,500 lambang kerap digunakan dan 1,000 lambang yang tidak begitu kerap digunakan. Kebanyakan lambang itu mengenkodkan satu morfem. Menurut L. Lin (1980), Yin (1988, 1991), N. Qian (1990), Fan (1993), lebih kurang 95 peratus morfem dalam bahasa Cina merupakan mono-silabik dan diwakili oleh satu lambang piktografik.

Kini kebanyakan bahasa telah menggunakan sistem tulisan fonografik, bahasa Cina masih kekal menggunakan sistem tulisannya yang berbentuk logografik. Sistem itu adalah penting untuk menyatupadukan penduduk di Republik Rakyat China yang bertutur dalam pelbagai dialek yang berlainan.

1.1.3 Sistem Fonetik *Bahasa Mandarin Standard*

Beberapa sistem fonetik telah dicipta sebagai pelengkap kepada tulisan Cina. Di Malaysia, *Zhuyin Zimu* atau lebih dikenali sebagai *Zhuyin Fuhao* digunakan untuk pengajaran bunyi-bunyi ujaran *Huayu* pada peringkat sekolah rendah sebelum *Hanyu Pinyin* diperkenalkan pada 1980an.

Zhuyin Fuhao telah diperkenalkan pada tahun 1918 oleh Kementerian Pendidikan Republik China. *Hanyu Pinyin* kemudian menggantikan *Zhuyin Fuhao* di Republik Rakyat China sejak 1958. Sistem Fonetik tersebut memainkan peranan penting dalam pembelajaran bahasa Mandarin standard. Menurut P. Chen (1999) *Hanyu Pinyin* yang berdasarkan dialek *Beijing* penting untuk mempromosikan pertuturan *Putonghua* di kalangan penutur-penutur dialek yang berlainan di Republik Rakyat China.

Lambang-lambang bunyi *Zhuyin Fuhao* seperti yang ditunjukkan dalam Carta 1.0 merupakan simbol yang sukar dipelajari dan diingati. Manakala *Hanyu Pinyin* ialah suatu sistem fonetik yang telah dirumikan dengan abjad yang lebih mudah dipelajari. Konsonan dan vokal *Hanyu Pinyin* ditunjukkan dalam Carta 1.1a, 1.1b serta 1.1c.

Carta 1.0 : *Zhuyin Zimu atau Zhuyin Fuhao*

INITIALS

ㄅ [p]	ㄆ [p]	ㄇ [m]	ㄈ [f]	ㄩ [v]
ㄉ [d]	ㄊ [t]	ㄋ [n]		ㄪ [l]
ㄕ [θ]	ㄕ [k]	ㄫ [ŋ]	ㄫ [x]	
ㄔ [tç]	ㄔ [tç]	ㄕ [ɳ]	ㄕ [ç]	
ㄔ [ts]	ㄔ [ts]		ㄕ [ʂ]	ㄕ [ɿ]
ㄔ [ts]	ㄔ [ts]		ㄕ [ʂ]	

MEDIALS

ㄧ [i]	ㄨ [u]	ㄩ [y]
-------	-------	-------

FINALS

ㄚ [a]	ㄛ [o]	ㄞ [ɤ]	ㄤ [ɛ]	ㄞ [ai]	ㄟ [ei]	ㄢ [ao]
ㄡ [ou]	ㄾ [an]	ㄽ [ən]	ㄦ [əŋ]	ㄻ [əŋ]	ㄸ [ə]	

Sumber: Chen, Ping (1999)

Carta 1.1a : Hanyu Pinyin – Konsonan Initial

KONSONAN INITIAL

Cara Artikulasi	Daerah Artikulasi						
	Dwi-Bibir	Labio-Dental	Alveolar	Alveolo-Palatal	Palatal	Retrofleks	Velar
Plosif (Tak bersuara)	b [p] p [p ^h]		d [t] t [t ^h]			g [k] k [k ^h]	
Frikatif (Tak bersuara)		f [f]	s [s]	x [ɸ]		sh [ʂ]	h [x]
Afrikat (Tak bersuara)			z [ts] c [ts ^h]	j [tʂ] q [tʂ ^h]		zh [tʂ] ch [tʂ ^h]	
Nasal (Bersuara)	m [m]		n [n]				
Lateral (Bersuara)			l [l]				
Malaran Tak Bergeser (Bersuara)	w [w]				y [j]	r [ɿ]	

Kiri: Abjad dalam *Hanyu Pinyin*

Kanan: Simbol IPA

Sumber: Pengubahsuaian dari Huang dan Liao (1996)

Carta 1.1b : *Hanyu Pinyin – Vokal & Konsonan Akhiran*

VOKAL & KONSONAN AKHIRAN

i [i]	u [u]	ü [y]
a [a]	ia [iA]	ua [uA]
o [o]		uo [uo]
e [v]	ie [i ε]	üe [y ε]
ai [ai]		uai [uai]
ei [ei]		ui [uei]
ao [au]	iao [iau]	
ou [ou]	iu [iou]	
an [ən]	ian [i ε n]	uan [uan]
ən [ən]	in [in]	un [un]
ang [aŋ]	iang [iaŋ]	uang [uaŋ]
əŋ [əŋ]	ing [iŋ]	ung [uŋ]
		iong [yŋ]

Kiri: Abjad dalam *Hanyu Pinyin*

Kanan: Simbol IPA

Sumber: Pengubahsuaian dari Chen, Ping (1999)

Carta 1.1c : *Hanyu Pinyin – Vokal Khas*

VOKAL KHAS		
- i [ɿ]	- i [ɿ]	- er [ø]

Kiri: Abjad dalam *Hanyu Pinyin*

Kanan: Simbol IPA

Sumber: Pengubahsuaian dari Lin dan Wang (1991)

1.2 Hipotesis Kajian

Hipotesis utama kajian ini ialah wujud variasi *Huayu* tempatan di Malaysia yang berbeza dari *Huayu* standard yang berdasarkan *Putonghua*. Menurut kajian-kajian terdahulu yang dijalankan oleh Ng (1985), Lock (1989), Kubler dan Ho (1984) di

Singapura dan Taiwan yang menyatakan wujud kekeliruan antara sebutan konsonan initial retrofleks [tʂ tʂ^h ʂ] dan konsonan initial alveolar [ts ts^h s] masing-masing di kalangan penutur bahasa Mandarin di kawasan-kawasan kajian tersebut.

Menurut initial kajian S. Chen (1990) di Republik Rakyat China, selain daripada kekeliruan di antara konsonan retrofleks dan alveolar yang disebut di atas, konsonan initial velar [x] disebut sebagai konsonan initial labio-dental [f]. Di samping itu, konsonan initial retrofleks malaran tak bergeser [ɿ] diujar sebagai alveolar lateral [l]. Kubler dan Ho (1985) pula mendapati konsonan initial alveolar lateral [l] diujar sebagai nasal [n] dan sebaliknya di Taiwan. Manakala konsonan initial retrofleks [ɿ] disebut sebagai alveolar [l], dan sebaliknya.

Selain itu, Huang dan Liao (1996) berpendapat konsonan initial [f] disebut sebagai [x] di beberapa kawasan di Republik Rakyat China. Menurut Lin dan Wang (1991), sebutan [f] disebut sebagai [x] di kalangan penutur dialek Hokkien adalah kerana dalam dialek tersebut tidak mempunyai konsonan initial [f]. Oleh kerana dialek Hokkien adalah dialek utama kawasan kajian, maka penyelidik cuba menyiasat sama ada keadaan yang disebut di atas wujud di kawasan berkenaan.

1.3 Penyataan Masalah

Walaupun bahasa Mandarin di seluruh dunia dikatakan berasaskan *Putonghua* tetapi wujud pelbagai variasi yang mempunyai ciri-ciri tersendiri dari segi fonetik dan fonologi. Menurut Bradley (1992 dalam P. Chen 1999) *Guoyu* di Taiwan dan *Huayu* di Singapura merupakan dua variasi yang dikatakan standard di negara masing-masing,

tetapi kedua-dua bahasa Mandarin Standard ini berbeza dengan *Putonghua* dari segi ujaran.

Ciri-ciri fonologi *Huayu* di Singapura yang berbeza dari *Putonghua* telah dikenalpasti oleh Ng (1985) dan Lock (1989). Kajian mereka menunjukkan bahawa terdapat kekeliruan di antara konsonan initial retrofleks dengan konsonan initial alveolar. Menurut Lock (1989), penutur Singapura berpendapat sebutan konsonan initial retrofleks adalah ciri-ciri unik bagi penutur *Beijing* yang tidak sesuai untuk penutur Singapura. Begitu juga dengan *Guoyu* di Taiwan, menurut Kubler dan Ho (1984), wujud kekeliruan dalam sebutan konsonan initial [ts ts^h s] dan [tʂ tʂ^h ʂ] masing-masing.

Oleh itu, penyelidik cuba menjalankan kajian ke atas sebutan konsonan initial di kalangan orang-orang Cina di Kuching. Kajian ini hanya meneliti sebutan konsonan initial atau onset suatu suku kata. Berdasarkan data-data yang dikumpul, penyelidik akan mengenalpasti ciri-ciri sebutan konsonan initial mereka secara khususnya dan meneliti faktor-faktor kewujudan variasi *Huayu* ini secara am. Penyelidik berharap dengan kajian ini dapat menyedarkan penutur *Huayu* tempatan bahawa mereka sedang menggunakan satu variasi *Huayu* yang berbeza dari *Huayu* Standard. Dengan kesedaran itu mereka akan menggunakan *Huayu* Standard dan cuba mengajar *Huayu* Standard kepada generasi baru.

1.4 Objektif Kajian

Secara amnya, kajian ini bertujuan meneliti variasi *Huayu* yang wujud dalam kumpulan tertentu di kalangan orang-orang Cina di Kuching, Sarawak. Objektif khusus kajian ini adalah untuk:-

- (a) meneliti *Huayu* yang ditutur oleh orang-orang Cina di Kuching, Sarawak.
- (b) mengenalpasti variasi konsonan initial kawasan kajian yang berbeza dari konsonan initial *Huayu* Standard.
- (c) memastikan faktor-faktor kewujudan variasi konsonan initial tertentu dalam *Huayu* tempatan.
- (d) menyedarkan penutur-penutur *Huayu* tempatan bahawa mereka menggunakan satu variasi *Huayu* yang berbeza daripada *Huayu* Standard.

1.5 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik hanya mengehadkan subjek kajian kepada 5 orang dewasa Cina untuk mendapat data yang lebih jelas dan teliti. Penyelidik berpendapat 5 orang subjek kajian ini dapat mewakili populasi etnik Cina yang berusia dalam lingkungan umur 30 ke 39 tahun di Bandaraya Kuching.

Subjek kajian ialah penduduk Kuching yang bermastautin di kawasan tersebut sejak lahir. Lingkungan umur subjek ialah antara 30 hingga 39 tahun. Kesemua subjek berpendidikan Cina pada peringkat sekolah rendah dan seterusnya memasuki sekolah menengah kerajaan dengan mengambil mata pelajaran Bahasa Cina sehingga Tingkatan 5. Penyelidik juga memastikan subjek kajian mempunyai kelulusan dengan kepujian dalam kertas bahasa Cina Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Syarat ini adalah penting untuk memastikan subjek kajian mempunyai tahap penguasaan bahasa Cina yang tinggi supaya membolehkan mereka menjalankan ujian bacaan yang disediakan oleh penyelidik.

Subjek kajian adalah kumpulan penutur yang sering menggunakan *Huayu* dalam kehidupan harian mereka. Kesemua subjek kajian adalah dari kumpulan penutur yang menggunakan *Huayu* dan dialek Hokkien sebagai bahasa utama dalam kehidupan harian, sungguhpun mereka dari kumpulan dialek yang berbeza iaitu Hokkien, Hakka, Teochew dan Hainan.

Analisis kajian ini terbatas kepada konsonan initial *Huayu* yang disebut oleh 5 orang subjek tersebut. Kajian hanya terbatas kepada konsonan initial dalam suatu suku kata *Huayu*. Ujian bacaan subjek terbahagi kepada 2 bahagian. Bahagian A terbatas kepada 291 suku kata bahasa Cina dalam satu teks lanjutan. Bahagian B pula terbatas kepada 500 suku kata berasingan yang dipetik dari kamus. Kesemua suku kata dalam ujian bacaan tersebut adalah dipetik dari kamus yang berjudul *Xiandai Hanyu Cidian* 现代汉语词典 (suntingan *Zhongguo Shehui Kexueyuan Yuyan Yanjiusuo* 中国社会科学院

语言研究所, 1996) yang digunakan oleh guru-guru bahasa dan pelajar-pelajar di sekolah sebagai kamus rujukan.

Penyelidik menekankan bahawa kajian ini terdapat beberapa batasan utama seperti yang ditunjukkan di bawah:-

- (I) Saiz subjek kajian ini agak kecil. Ia cuma melibatkan lima orang dewasa kaum Cina dalam lingkungan umur 30 hingga 39 yang bermastautin di Bandaraya Kuching sejak lahir. Oleh itu, dapatan kajian ini hanya menggambarkan ujaran *Huayu* kumpulan yang dikaji.
- (II) Kajian ini hanya tertumpu kepada ujaran konsonan initial *Huayu* subjek kajian dalam dua ujian bacaan. Ujaran konsonan akhiran dan nada hanya dijadikan dapatan sampingan. Selain itu, ujaran vokal tidak dikaji dengan terperinci oleh penyelidik. Oleh itu, aspek-aspek fonetik yang dibincangkan dalam kajian ini adalah tidak menyeluruh.
- (III) Tempoh masa kajian ini adalah bersifat jangka pendek. Data-data yang diperolehi hanya menggambarkan ujaran subjek kajian pada tempoh tertentu sahaja. Ia tidak melibatkan perubahan ujaran akibat peraliran masa.
- (IV) Kajian ini hanya terhad kepada kawasan tertentu. Dapatan kajian hanya menggambarkan *Huayu* yang dituturkan oleh sekumpulan penduduk di Kuching. Oleh itu, ia tidak menggambarkan *Huayu* yang dituturkan oleh kaum Cina di Malaysia secara menyeluruh.

1.6 Kepentingan Kajian

Setakat ini, kajian-kajian yang pernah dilakukan ke atas sebutan variasi *Huayu* di Malaysia adalah terhad. Kajian seumpama ini pernah dijalankan oleh Ng Bee Chin (1985), Graham Lock (1989), Kubler dan George Ho (1984).

Ng Bee Chin telah menjalankan kajian tentang sebutan initial konsonan /s/ dalam *Huayu* Standard Singapura pada tahun 1985. Manakala Kubler dan Ho membuat kajian tentang variasi *Guoyu* Standard ke atas penutur *Taipei* pada tahun 1984. Lock pula telah menjalankan kajian tentang aspek-aspek variasi dan perubahan dalam *Huayu* Standard yang dipertuturkan di Singapura pada tahun 1989.

Oleh itu, penyelidik berharap kajian ini dapat dijadikan rujukan dalam usaha menggalakkan penggunaan sebutan *Huayu* Standard di Malaysia. Penyelidik juga berharap ia dapat menjadi rangsangan kepada para penyelidik tempatan untuk mengkaji bunyi pertuturan *Huayu* tempatan.